

**MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH ‘KERANA ANDA BEGITU ISTIMEWA’  
1TEACHERSCARD**

14/01/2015

AUDITORIUM KOMPLEKS E, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalam’alaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam  
1Malaysia

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan rahmat-Nya jua, dapat kita sama-sama berkumpul pada petang ini dalam Majlis Penyampaian Hadiah “Kerana Anda Begitu Istimewa” Kad Kredit One Teachers Card (1TeachersCard) anjuran Yayasan Guru Malaysia Berhad (YGMB) dengan kerjasama Bank Simpanan Nasional (BSN).

‘1TEACHERSCARD’

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada YGMB dan BSN di atas kejayaan melahirkan Kad Kredit ‘1TeachersCard’ yang begitu eksklusif ini, pertama seumpamanya di Malaysia yang ditawarkan khusus kepada para pendidik kita termasuk kakitangan yang berkhidmat di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Kerjasama pintar antara YGMB dan BSN ini patut mendapat pujian dan sokongan kerana melahirkan produk yang berinovatif ‘1TeachersCard’ ini sebagai salah satu usaha menghargai peranan, sumbangan dan jasa bakti para guru di seluruh negara sesuai dengan tema kempen yang telah dijalankan iaitu “KERANA ANDA BEGITU ISTIMEWA”.

3. Elemen kreativiti dan inovasi seperti ini amat signifikan dengan hasrat kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Dalam usaha pihak kerajaan mentransformasikan sistem pendidikan negara, kerjasama dan peranan yang diusahakan oleh badan-badan bukan kerajaan atau NGO dan pihak swasta amat dialu-alukan serta dihargai termasuk dalam konteks kebajikan guru. Saya melihat inisiatif kolaborasi YGMB dan BSN ini wajar dicontohi oleh pihak-pihak lain agar tampil ke hadapan dengan pelbagai kaedah dan pendekatan yang lebih berinovatif.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan serta hadirin sekalian.

4. Saya difahamkan, sejak dilancarkan pada 2013, sehingga kini lebih 50,000 orang guru telah menjadi pengguna kad kredit '1TeachersCard' ini. Melalui keistimewaan utamanya di mana pengguna akan menikmati Kadar Faedah yang terendah di pasaran iaitu hanya 8.88% setahun serta pelbagai lagi keistimewaan lain yang turut ditawarkan, saya yakin '1TeachersCard' akan terus mendapat sambutan yang baik.

5. Begitu juga dengan syarat pemilikan yang turut diperluaskan kepada kakitangan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di seluruh negara, akan terus meningkatkan jumlah penggunaan di samping memperkukuhkan jenama '1TeachersCard' ini.

6. Apa yang lebih penting daripada itu, sebahagian daripada hasil urusan atau penggunaan '1TeachersCard' ini akan disalurkan kepada tabung kebajikan YGMB yang akhirnya akan disumbangkan kembali kepada guru-guru menerusi pelbagai aktiviti dan program kebajikan yang dilaksanakan khususnya untuk ahli-ahli YGMB sesuai dengan slogan YGMB "Daripada Guru Untuk Guru". Atas dasar itu, saya berharap agar lebih ramai lagi guru akan menggunakan '1TeachersCard' ini kerana secara tidak langsung pengguna akan turut menyumbang untuk manfaat kebajikan guru.

7. Namun, suka saya untuk mengingatkan agar penggunaan kad kredit ini perlu dibuat dengan bijaksana dan berhemah. Selagi ia diurus dengan baik sudah pasti ia akan memberi manfaat kepada kita. Oleh itu, saya berharap kemudahan serta keistimewaan yang disediakan ini tidak disalahgunakan yang akhirnya boleh memudaratkan diri sendiri.

Hadirin dan hadirat sekalian,

SUMBANGAN

BENCANA

BANJIR

8. Pada ketika ini negara kita masih lagi dibelenggu dengan bencana banjir luar biasa yang melanda khususnya di negeri-negeri Pantai Timur termasuk Perak sehingga ada di antara guru kita yang turut terkorban. Bencana banjir besar ini telah menjejaskan sebahagian besar prasarana pendidikan negara di negeri-negeri yang terjejas sehingga membawa kepada pengumuman saya menangguhkan pembukaan sesi persekolahan 2015. Malah 41 buah sekolah di Kelantan, Pahang dan Perak yang masih terjejas akibat banjir terpaksa ditangguhkan lagi kepada 18 dan 19 Januari ini.

9. Baru-baru ini pihak kementerian turut melancarkan Tabung Bantuan Banjir KPM sebagai usaha membantu mangsa terjejas banjir. Saya ingin mengambil peluang mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas keprihatinan pelbagai pihak di semua peringkat yang menghulurkan pelbagai bentuk sumbangan termasuk yang telah diumumkan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Alimuddin Mohd Dom, Pengerusi YGMB dengan sumbangan berjumlah RM50,000.00 kepada Tabung Bantuan Banjir KPM.

10. Saya amat berterima kasih atas peranan dan pelbagai usaha kebajikan yang telah dilaksanakan oleh YGMB sepanjang tempoh 21 tahun penubuhannya, yang amat bertepatan dengan visi dan misinya untuk memelihara kebajikan guru-guru melalui pelbagai bentuk sumbangan kebajikan yang secara tidak langsung dapat memartabatkan lagi profesion keguruan.

11. Melalui pelbagai strategi dan penambahbaikan dari semasa ke semasa, saya yakin YGMB mampu menjadi sebuah badan berkebakikan yang berdaya saing dan lebih disegani di masa hadapan. Saya berharap lebih ramai lagi guru mengambil peluang ini untuk bernaung di bawah YGMB bagi membolehkan guru-guru menikmati pelbagai faedah kebajikan yang disediakan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati,

12. Akhir kata, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada para pemenang kempen "Kerana Anda Begitu Istimewa" '1TeachersCard' yang akan diumumkan sebentar lagi.

13. Tahniah dan terima kasih sekali lagi diucapkan kepada YGMB dan BSN atas usaha cemerlang ini dan terima kasih kepada semua yang hadir.

Sekian,

Wabillahit Taufik  
Wassalamualaikum

Warahmatullahi

Walhidayah,  
Wabarakatuh.

Terima kasih.